

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN OPERASI CUKAI
MINIT MESYUARAT
APLIKASI HOST TO HOST
BERSAMA PERSATUAN AKAUNTAN

TARIKH : 17 JUN 2011 (JUMAAT)
MASA : 3.00 PETANG
TEMPAT : BILIK MESYUARAT PERDANA
TINGKAT 16, BLOK 9
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

HADIR:

Abdul Manap bin Dim	Pengarah Jabatan Operasi Cukai <i>[Pengerusi]</i>
Norhayati bt Mat Kassim	Pengarah Bhgn. Pembangunan Operasi, JOC
Abd. Rahman b Yusof	Ketua Pen. Pengarah, Bhgn e-Services, JTM
Haida bt Daud	Penolong Pengarah, JTM
Ahmad Sauqi b Ishak	Penolong Pengarah, JTM
Marini bt Mohd Yazid	Penolong pengarah, JOC
Mohamad Rozainy b Mohamad Arif	Penolong Pengarah, JOC (Pencatat)
Suriyanti bt Esa	Penolong Pengarah, JOC (Pencatat)
Muzlifah bt Musa	Penolong Pegawai Eksekutif, JTM (Pencatat)
Nik Kariman b Nik Ismail	Digicert Sdn. Bhd.
Yamuna Supperamaniam	CTIM
Yeong Hoon Li	MIA
Cheong Li Wei	MICPA
Lim Chin Kang	BIZZTAX
Ng Chee Shiong	ERNST & YOUNG
Trevor Keegan	EA LINK SYSTEM
Fadzlee Sani	SJ GRANT THORNTON
Sim Pei Sheng	KPMG
Azmi Jaafar	ICMA
Terence Ng	MICPAC (Deloitte)
Zalina Dato' Mohd Sahir	ICMA
Yap Sau Shiung	PriceWaterhouseCoopers/MIA

Kwok Chee Sheng

YGL

Mohd Salimi Ahamad

MACS

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

Puan Mariam Bt Mohd

Pengarah Jabatan Tekonolgi Maklumat

Encik Sani b Mohd Taib

Pengarah Bhgn e-Services, JTM

1. PENDAHULUAN

1.1 UCAPAN Pengerusi

Pengerusi mengucapkan salam dan ribuan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.

Makluman

1.2 AGENDA MESYUARAT

Pengerusi memaklumkan :

Tujuan mesyuarat diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan Aplikasi Host to Host (HTHA).

Makluman

2. PERKARA PERBINCANGAN

2.1 Antaramuka (*Interface*)

Mesyuarat dimaklumkan :

2.1.1 Persatuan Akauntan mengemukakan cadangan untuk penyediaan *Interface* HTHA bagi membolehkan cetakan draf dibuat kepada pelanggan bagi pengesahan sebelum pengemukaan data secara Host to Host.

2.1.2 Digicert memaklumkan HTHA merupakan satu platform bagi pengemukaan borang secara kelompok dan tiada interface cetakan draf yang disediakan. Pihak persatuan akauntan perlu membangunkan sendiri draf daripada perisian masing-masing.

2.1.3 Cadangan untuk penyediaan Interface HTHA bagi cetakan draf borang akan dikaji semula oleh LHDNM.

Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat

2.2 Format Data

Mesyuarat dimaklumkan :

- 2.2.1 Persatuan Akauntan membangkitkan tentang format data yang tidak menjelaskan secara terperinci bagi pengemukaan data. Sebagai contoh, jantina sama ada M / F, 0 / 1 atau L / P. Contoh lain ialah format tarikh sama ada ddmmyyyy, ddmmyy atau mmdyyy.
- 2.2.2 Pihak JTM akan menyemak semula format data untuk keseragaman.

Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat

3. HAL - HAL LAIN

3.1 Change Management

Mesyuarat dimaklumkan :

- a) Persatuan Akauntan membangkitkan isu tentang pemakluman berkenaan perubahan pada sistem e-Filing (*change management*) yang tidak menjelaskan secara terperinci perubahan yang dibuat oleh pihak LHDNM.
- b) Ini memberi kesan kepada kepada syarikat perisian perakaunan untuk meminda program perisian mereka.
- c) LHDNM mengambil maklum akan perkara ini.

Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat

3.2 Ruangan Pekerja Berpengetahuan di e-B dan e-BE

Mesyuarat dimaklumkan :

- a) Persatuan Akauntan membangkitkan persoalan berkaitan ruangan pekerja berpengetahuan yang tiada di e-B dan e-BE.
- b) LHDNM memaklumkan pihak Kementerian Kewangan telah mengesahkan hanya seorang sahaja yang telah mendapat kelulusan sebagai pekerja berpengetahuan di Wilayah Iskandar.
- c) Bagi mengelakkan pembayar cukai mengemukakan maklumat yang salah, LHDNM telah mengeluarkan ruangan tersebut dari e-B dan e-BE.

Makluman

3. PENUTUP

Mesyuarat berakhir pada jam 4.30 petang.

Disediakan oleh :
Bahagian Pembangunan Operasi,
Jabatan Operasi Cukai, LHDNM

